



**SURAT AKU JANJI
PELAJAR**



SURAT AKU JANJI

Saya _____

No. Kad Pengenalan _____

Sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha untuk sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia. Saya akan mematuhi segala undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Kolej TAJ, yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Kolej TAJ. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara yang lain:

- A. Akan mematuhi subseksyen 15(1) Akta Universiti dan Akta Kolej (AUKU) 1971 (Akta 30), untuk tidak menjadi ahli atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa jua lain pertubuhan, badan, atau kumpulan orang, sama ada atau tidak ianya ditubuhkan di bawah mana-mana dan undang-undang, sama ada ianya di dalam Kolej atau di luar Kolej, dan sama ada ianya di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Peraturan Kolej atau kecuali

sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

- B. Akan mematuhi subseksyen 15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 untuk tidak menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram.
- C. Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib dan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Kolej TAJ (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 2005 termasuklah:
- I. Tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan am, yang antara lain termasuklah:
 - a) Tidak akan merosakkan atau memudaratkan kepentingan, kesejahteraan dan nama baik Kolej, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Kolej;
 - b) Tidak akan merosakkan atau memudaratkan ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan, atau tata tertib; dan

- c) Tidak akan mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang - undang bertulis sama ada di dalam atau di luar Kolej.
-
- II. Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, sekatan tentang penggunaan teks kuliah dan plagiarism
 - III. Peruntukan berkenaan dengan peperiksaan dan kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan
 - IV. Peruntukan berkenaan dengan perhimpunan, penggunaan pembesar suara dan sepanduk
 - V. Peruntukan berkenaan dengan kegiatan pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam bidang pekerjaan
 - VI. Peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum dan memiliki minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun
-
- D. Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Asrama 2006.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, statut-statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan, termasuklah dibuang daripada Kolej.

..... Tarikh:
(Tandatangan Pelajar)

Nama Pelajar :

No. Matrik :

Program :

..... Tarikh :
(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi :

Jawatan :